

# Solidariti Palestin perlu fokus nilai keadilan, keamanan sejagat

• Pengajaran terpenting untuk pelajar fahami adalah negara tidak akan aman sekiranya ketidakadilan dan penindasan tidak dihapuskan, selain peperangan berpanjangan juga boleh berlaku seperti di Palestin

• Usaha menyemai cakra terhadap konflik dunia dan menanam empati kepada manusia lain yang menderita amat penting dalam melahirkan insan seimbang, seiring Falsafah Pendidikan Kebangsaan



Pensyarah Kanan (Keadilan Jenayah dan Keganasan), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Muidriz Mat Rus  
bhrencana@bh.com.my

Beberapa pihak menyuarakan kebimbangan kaedah penganjuran Minggu Solidariti Palestin di sekolah. Kebimbangan ini ada asasnya dan wajar diberi perhatian.

Jika program sedemikian tidak diolah dengan teliti dikhuatiri secara tidak sengaja atau tersalah menonjol aspek kekerasan kepada kanak-kanak. Pasti semua pihak terbabit tidak mahu program murni itu menjadi penyumbang normalisasi kekerasan.

Oleh itu, program solidariti membela rakyat Palestin di sekolah sepatutnya dianjurkan Kementerian Pendidikan (KPM) dengan memberi penumpuan dua prinsip utama, iaitu keadilan sejagat dan kemanusiaan.

Hakikatnya, kedua-dua prinsip sejagat itu wajar didedahkan kepada semua pelajar sejak awal usia tanpa mengira ras dan pegangan agama.

Prinsip keadilan pada program solidariti dengan memastikan keperluan keadilan bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan. Hal ini dinyatakan tokoh aktivis Amerika Syarikat (AS), Martin Luther King Jr mengenai ketidakadilan di sesuatu tempat akan menjadi ancaman ke semua tempat.

Ketidakadilan berlaku di Palestin adalah disebabkan penjajahan Israel sejak 1967. Penjajahan haram itu menafikan hak rakyat Palestin untuk memiliki negara merdeka dijamin undang-undang antarabangsa. Akibatnya, rakyat Palestin tertindas, dinafikan hak asasi dan kebahagiaannya hidup dalam pelarian.

Justeru, pelajar wajar diberi kefahaman realiti pokok keamanan dan kedamaian adalah keadilan. Ketidakadilan yang berlaku boleh menjadikan sebuah negara bukan sahaja kucar-kacir dan tidak aman, bahkan menjejaskan rantau negara berkenaan dan dunia.

Dalam erti kata lain, pengajaran terpenting untuk pelajar fahami adalah negara tidak akan aman jika ketidakadilan dan penindasan tidak dihapuskan. Peperangan berpanjangan juga boleh berlaku seperti di Palestin.

Di samping itu, ketidakadilan di Palestin juga berpunca daripada tindakan rejim Israel melanggar undang-undang antarabangsa dan melakukan jenayah perang. Pada aspek ini, pelajar boleh didedahkan terhadap undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang jenayah dan kemanusiaan antarabangsa yang asas.

Pelajar boleh mengambil iktibar bahawa keadilan dan keamanan tidak akan tercapai jika penjenayah antarabangsa tidak diambil tindakan. Hal



Murid Sekolah Kebangsaan Gua Musang menunjukkan solidariti mereka sempena kempen Minggu Solidariti Palestin, kelmarin. (Foto Piyu Linda Yahyu/BH)

ini dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar mengenai mengapa pemimpin kita lantang pada peringkat antarabangsa dalam menyuarakan sokongan kepada rakyat Palestin.

### Lanskapwabah bersama pelibata keamanan

Tindakan pemimpin negara kita bukan bermaksud untuk menyibuk terhadap urusan negara lain, sebaliknya berasaskan tanggungjawab moral untuk bersama memelihara keamanan sejagat.

Unsur kedua yang sama mustahak adalah kemanusiaan. Prinsip kemanusiaan dapat diterapkan sekurang-kurangnya dalam dua aspek. Pertama, pelajar perlu disemai dengan rasa kecintaan kepada keamanan dan membenci peperangan.

Penerangan perlu dibuat kepada pelajar bahawa punca utama konflik dan peperangan berpanjangan di rantau Asia Barat itu disebabkan penjajahan Israel ke atas Palestin. Maka, penjajahan dan pendudukan haram itu hakikatnya sebagai ancaman kepada kemanusiaan.

Kedua, pelajar wajar disemai dengan semangat membela kemanusiaan dan didedahkan kepada bantuan kemanusiaan. Semangat yang dijanakan tindak balas daripada konflik Palestin perlu disalurkan kepada wadah lebih bermanfaat buat masyarakat.

Antara cadangan yang boleh dilakukan di sekolah dalam mengisi Minggu Solidariti Palestin misalnya mengaitkan dengan penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan St John Ambulance.

Pentadbir sekolah juga boleh menjemput sukarelawan misi bantuan kemanusiaan untuk berkongsi pengalaman dengan pelajar. Misalnya petugas MERCY Malaysia atau Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelari-

an (UNHCR). Aktiviti sebegini juga mendorong minat pelajar untuk berkhidmat kepada masyarakat atas nama kemanusiaan dan semangat kesukarelawanan.

Hakikatnya, usaha menyemai cakra terhadap konflik dunia dan menanam empati kepada manusia lain yang menderita amat penting dalam melahirkan insan seimbang, seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Minggu Solidariti Palestin boleh dijadikan antara wadah yang sesuai untuk tujuan digariskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu. Bagaimanapun program sebegini perlu diolah dengan cermat dan menetapkan objektif jelas. Tindakan ini bagi mengelak akibat tidak diingini seperti normalisasi kekerasan atau kebencian membuta-tuli.

Penekanan kepada nilai sejagat seperti keadilan dan kemanusiaan sememangnya diterapkan dalam pendidikan secara tersusun dan teka. Tokoh pemikir dan pendidikan, Paulo Freire, dalam karya agungnya, *Pedagogy of the Oppressed*, menyatakan cita-cita kemanusiaan tidak akan dicapai dengan memencilkan diri dan bertindak sendiri, sebaliknya perlu digerakkan melalui persepakatan dan solidariti.

Lantas, kebersamaan untuk kemanusiaan dan nilai sejagat lain perlu diterjemahkan dalam pendidikan secara terangkum kepada semua pelajar.

Bersolidaritilah atas dasar keadilan dan kemanusiaan sejagat di sekolah, universiti, rumah ibadat atau di mana sahaja berada. Moga keadilan tertegak, kemanusiaan terbelas dan keamanan sebenar tercapai.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH